

**UNIT PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN  
DAERAH KOTA MARUDU**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2 2019**

**BAHASA MELAYU**

**1103/2**

**Kertas 2**

**OGOS**

**2 ½ jam**

**Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis pada kertas jawapan anda sendiri. Pastikan anda membawa helaian kertas yang mencukupi.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

*Disediakan oleh:*

**Guru-guru Bahasa Melayu Daerah Kota Marudu**

<b>Soalan</b>	<b>Peruntukan Markah</b>	<b>Markah Murid</b>
1	30	
2(a)	9	
(b)	9	
(c)	8	
(d)	9	
3(a)	6	
(b)	6	
(c)	6	
(d)	6	
(e)	6	
4(a)	7	
(b)	8	
<b>Jumlah Markah</b>		<b>110</b>

*Disemak oleh:*

**Arni Majohn**  
**Ketua Bidang Bahasa, SMK Kota Marudu**

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi **9** halaman bercetak.

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang cara-cara memupuk pengurusan kewangan dalam kalangan remaja dan kepentingan memupuk pengurusan kewangan. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Pada masa ini, kehidupan manusia dipermudahkan dengan adanya objek yang dicipta daripada kertas atau logam yang digelar ‘wang’ dan tidak mustahil juga wang dapat menjadikan masyarakat begitu sengsara sehingga ada yang dikategorikan sebagai muflis. Remaja sebagai golongan yang baru berjinak-jinak untuk menguruskan perbelanjaan sendiri harus mengambil langkah yang bijak dan pengendalian kewangan yang cekap kerana menjanjikan pelbagai kebaikan kepada mereka. Terdapat 1157 kes kebankrapan yang melibatkan golongan di bawah umur 25 tahun yang direkodkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia. Faktor utama yang menjadikan mereka muflis ialah ketidakcekapan menguruskan kewangan sendiri didorong kegagalan perancangan kewangan yang baik dan kurangnya pendidikan kewangan. Antara strategi perbelanjaan secara bijak termasuklah mengelakkan perbelanjaan tidak berkepentingan seperti membeli barang mewah kerana ikutan rakan sebaya atau peniruan trend golongan muda terkini yang gemar menayangkan kemewahan.

Untuk memupuk pengurusan kewangan yang berhemah, remaja seharusnya melakukan tabungan yang sistematis dan berterusan. Walaupun remaja mempunyai aliran masuk wang daripada sumber yang terhad seperti ibu bapa dan biasiswa, remaja yang cekap menguruskan kewangannya tidak akan menghadapi masalah. Secara umumnya, remaja perlu mempraktikkan sikap berjimat cermat dan pandai mencari ruang menambahkan wang yang semakin susut. Amalan membelanjakan wang secara ekonomi ini memerlukan perancangan belanjawan yang bijak seperti melakukan pembelian secara pukal dengan berkongsi bersama-sama rakan atau ketika berlangsungnya jualan murah. Di samping itu, pemilihan kedai yang tepat untuk harga yang berpatutan juga perlu dilakukan oleh remaja.

Remaja boleh menampung perbelanjaan kehidupan harian sebagai pelajar dengan menjalankan kegiatan yang dapat menjanjakan pendapatan sampingan seperti perniagaan kecil-kecilan. Sebagai contoh, pelajar institusi pengajian tinggi yang layak mendapat kad debit pelajar berjumlah RM250 yang mengantikan Baucer Buku 1 Malaysia boleh meringankan beban pembelian buku dan alat tulis. Selain itu, remaja juga boleh bekerja secara sambilan selepas kelas tamat atau ketika cuti semester. Sehubungan dengan itu, *penjanaan wang* turut dapat dilakukan dengan menggunakan bakat serta kemahiran yang ada seperti mengambil upah dengan menghasilkan lukisan video grafik dan laman sesawang. Oleh itu, setiap remaja disarankan mendalami ilmu pengurusan kewangan yang berkesan.

(Dipetik dan diubah suai daripada ‘Pengurusan Kewangan Remaja’  
Oleh Noraziah Mohd Amin, *Dewan Siswa*, Mac 2017)

**Soalan 2: Pemahaman**  
[35 markah]

**Soalan 2(a) – Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

- (i) Berikan maksud rangkai kata *penjanaan wang*. [2 markah]
- (ii) Pengarang menyatakan beberapa faktor yang menjadikan remaja muflis. Apakah faktor-faktor tersebut? [3 markah]
- (iii) Remaja digalakkan bekerja secara sambilan untuk menampung kekurangan wang tetapi bimbang menjelaskan prestasi akademik.  
Pada pendapat anda, apakah perkara-perkara yang dapat dilakukan oleh remaja yang memilih untuk bekerja secara sambilan dengan tidak menjelaskan pelajaran?  
[4 markah]

## **Soalan 2(b) – Petikan Cerpen**

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Sebenarnya, duitku cuma tinggal USD 70 selepas aku membeli jaket kulit kijang (aku mengetahui jenisnya setelah Encik Yuksel meneliti jaket tersebut). Aku memandang jaket yang kini terletak di atas katil. Aku hanya membayar USD100 kepada Shahmeem. Dia mengurangkan USD 20 daripada harga pasaran gelap sebagai tanda terhutang budi.

Aku tidak nampak praktikalnya jaket itu untuk kegunaan harian di Malaysia. Memakainya pasti akan membuat diri berasa panas dalam cuaca terik di tanah air. Jika ke luar negara, jaket itu cuma sesuai dipakai pada musim sejuk.

Menjaganya pasti memerlukan kerapian. Tidak boleh dibasuh. Tidak boleh dilipat sembarangan. Walaupun harganya mahal, jaket kulit bukannya sesuatu yang tahan lasak. Kainnya mudah carik dan koyak, tidak dapat dijahit dengan benang.

Lebih penting lagi, seekor atau lebih daripada seekor kijang telah dibunuh untuk mendapatkan sehelai jaket kulit. Sebab itu, tidak ada jaket kulit yang murah. Harganya mahal disebabkan ada nyawa yang terpaksa dikorbankan! Aku merasakan bahawa jaket kulit sebenarnya lambang kemegahan dan kemewahan. Jaket kulit itu seperti lambang pendewaan dan pemujaan diri.

(Dipetik daripada cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul” oleh Makiah Haji Masrom dalam antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Bagaimakah cara-cara untuk menjaga jaket kulit? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, wajarkah tindakan sesetengah pihak memburu dan membunuh haiwan liar untuk mendapatkan keuntungan? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** pengajaran yang lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

## **Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional**

Baca petikan prosa tradisional di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Dan telah sudah lepas idah, maka Seri Nara Diraja pun bernikah dengan Tun Kudu. Maka menjadi muafakatlah Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja, menjadi berkasih-kasihan seperti saudara sejalan jadi. Maka sembah Seri Nara Diraja pada Sultan Muzaffar Syah, “Tuanku, baiklah Paduka Raja dijadikan bendahara, kerana ia sedia anak bendahara.”

Maka titah baginda, “Baiklah.”

Maka Paduka Raja pun dijadikan bendahara.

Syahadan, Bendahara Paduka Raja itulah yang dikatakan orang bijaksana, kerana pada zaman itu tiga buah negeri yang sama besarnya: pertama, Majapahit; kedua, Pasai; ketiga, Melaka. Di dalam negeri tiga buah itu, ada tiga orang yang bijaksana; di Majapahit, Patih Aria Gajah Mada; dan di Pasai, Orang Kaya Kanayan; dan di Melaka, Bendahara Paduka Raja; dan Seri Nara Diraja menjadi penghulu bendahari.

(Dipetik daripada “Burung Terbang Dipipiskan Lada” dalam antologi *Sejadah Rindu*)

(i) Berikan maksud *kerana ia sedia anak bendahara*. [2 markah]

(ii) Nyatakan faktor-faktor yang menyebabkan Seri Nara Diraja mencadangkan Paduka Raja sebagai Bendahara. [3 markah]

(iii) Pada pendapat anda, mengapa sekiranya negara perlu mempunyai pemimpin yang bijaksana dan adil? [3 markah]

## Soalan 2(d) – Sajak

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### Erti Hidup Bererti

Aku selalu didatangi malam sepi bagai kalung yang melingkari leherku tidak berubah keesokan hari siapa yang akan datang menjengukku keluhan seorang tua sunyi	Aku bagi mereka tiada makna anakku bakaku baik setia mahupun derhaka semoga disirami benih keinsafan menjadi penawar dalam hati Jangan terpegun Ada yang mati
Keheningan tasik kehijauan rumput hanya menjadi bayangan di penjuru ruang zaman cinta dalam rahim dilupai dari sulung ditendang ke bongsu dari angah ditendang ke sulung balik kucari erti hidup	Ada yang hidup Tiada yang kekal kecuali Tuhan.
menderita mengerang sakit berdiri tanpa ruang	
	<b>Teo Wei Sing</b>
	Antologi Sejадah Rindu

(i) Gambarkan keadaan hidup penyajak sebagai seorang tua berdasarkan sajak. [2 markah]

(ii) Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan segelintir anak meminggirkan ibu bapa mereka? [3 markah]

(iii) Nyatakan **dua** nilai kemanusiaan yang terkandung dalam sajak tersebut.

[4 markah]

### **Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[ 30 markah ]

**Jawab semua soalan**

(a) Tulis **dua** ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan serta menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) cerah
- (ii) rendang
- (iii) bernas

[6 markah]

(b) Berdasarkan ayat-ayat di bawah, bina ayat tanya dengan menggunakan kata tanya yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan rangkai kata yang berhuruf condong dalam ayat-ayat yang diberi.

- (i) Kemalangan jalan raya yang serius itu berlaku *di selekoh tajam Jalan Pekan Marudu*.
- (ii) Masyarakat Iban pada zaman dahulu mengatasi masalah kesihatan *dengan mengamalkan banyak petua dan pantang larang*.
- (iii) Pada tahun 1997, bendera Malaysia ditukarkan nama kepada *Jalur Gemilang*.
- (iv) Bonus sebanyak RM1 juta akan diberikan kepada para atlet yang berjaya memenangi pingat emas dalam Sukan Olimpik.
- (v) Pelajar wajib menghadiri aktiviti kokurikulum kerana dapat mengisi masa senggang dengan aktiviti yang berfaedah.
- (vi) Rosemella berhenti pengajiannya di universiti sejak ayahnya meninggal dunia disebabkan kemalangan di tempat kerja.

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Perkhidmatan keretapi ekspres menjadi pemilihan orang ramai untuk perjalanan jarak jauh kerana lebih selesa dan dapat menjimatkan masa.
- (ii) Pemantauan perlu dilakukan dari semasa ke semasa untuk memastikan pengusaha kantin menjual makanan yang berhasiat kepada murid-murid.

- (iii) Rasuah menjadi penggugat utama pembangunan negara dan membantut kemajuan dalam segenap aspek kehidupan manusia manakala pentadbiran yang bersih ujud sebagai impian sahaja.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Rakyat malaysia perlu berusaha bersungguh-sungguh apabila merapatkan jurang perkauman dengan mengetepikan provokasi yang masih melingkari kehidupan mereka.
- (ii) Kenaikan kadar tol setiap lebuh raya hanya dibenarkan bagi laluan yang mempunyai jalan luar, bukan atas dasar desakan dari pemegang konsesi.
- (iii) Kebanyakan sayur-sayuran di kebun Pak Mat akan dipancang kerana beliau bercadang untuk menjualnya pada minggu depan.

[6 markah]

(e) *Berikan maksud peribahasa di bawah ini.*

- (i) Seperti kaca terhempas ke batu
- (ii) Rumah sudah siap pahat masih berbunyi
- (iii) Pisang tidak akan berbuah dua kali

[6 markah]

#### **Soalan 4 : Novel**

**[15 Markah]**

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latif bin Talip.
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Rohaini Matdarin.
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin.
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khaiuddin Ayip.
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah.
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman.

(a) Klimaks merupakan bahagian plot yang paling penting dalam sesebuah cerita. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan **dua** peristiwa yang membawa kepada klimaks dalam novel tersebut.

**[7 markah]**

(b) Berdasarkan **sebuah** novel yang telah anda kaji, jelaskan **dua peristiwa** yang menggambarkan **nilai baik hati** dalam novel tersebut.

**[8 markah]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**